



Aku & Buku

Editors:
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai

2025



Aku & Buku

**Editor:**

*Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai*

Penerbit:

UiTM Cawangan Kedah

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

Hak Cipta

Hak cipta@ adalah milik penulis/pemilik asal. Penyuntingan bahasa dan pembacaan pruf telah dijalankan oleh pasukan editorial dengan kebenaran penulis.

Segala pandangan, pendapat dan syor teknikal yang dikemukakan oleh penyumbang adalah tanggungjawab mereka sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pendirian editor, fakulti atau universiti.

Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, salinan semula atau sebarang sistem simpanan dan capaian, tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400 Kedah.

eISBN: 978-967-2948-81-0

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA
08400 Merbok, Kedah, Malaysia

Editor:

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



Kandungan

Tajuk	Muka Surat
Kata Pengantar	
Kata Aluan	
Pendahuluan	
1. Peneman Setia	1
2. Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual	5
3. Inspirasi Dale Carnegie	8
4. Aku, Buah dan Buku	15
5. Dari Cerita Dongeng, Akhirnya Menggapai Impian	20
6. Aku di Alam Buku	24
7. Kisah Imam Syafie	27
8. Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia	33
9. Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh	39
10. Bukuku adalah Teman Karibku	45
11. Korban Kasih	51
12. Buku, Penyelamatku	54
13. Aku, Abah dan Buku	58
14. Sebuah Buku Berwarna Coklat	62
15. TAMAR JALIS: Stephen King Malaya	65
16. Jasa Terindah	68
17. Ditendang Lagi	71
18. Anak Sulung	76
19. Inspirasi Membentuk Jatidiri	79
20. Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang	82
21. Menara Alam dan Kimia Manusia	86
22. Minat Membaca yang Hilang	91
23. Satu Jam Boleh Merubah Hidup	93
24. Pengembaraan Melalui Kuasa Petikan	96
25. Kāna yāmā kān	99
26. Aku, Buku dan Secangkir Kopi	102
27. Manisnya Senyumanmu	105
28. Anak-anakku & Buku	110
29. Buku Mendidik Aku	114
30. Sebuah Perjalanan Menemukan Diri	118
31. Menggenggam Bara	122
32. Diari Perjalanan Aku dan Buku	126
33. Kertas-kertas yang Harum	129
34. Pasti Ada Minatku	132
35. Aku, 'Buku Pink' dan Tesis: Kisah Kerinduan, Penantian dan Harapan	135
36. Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan	140
37. Manga dan Aku	144
38. Dirimu Sentiasa Ada!	148
39. Sihat with Me	152
40. Aksaramu Inspirasiku	155
41. Kerana Sebuah Buku	159
42. Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku	161
43. Ibrah Melalui Syukur	165
44. Kenangan Itu	168
45. Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti	172
46. Buku "Tangan Kedua"	176
47. "달콤한 추억" di Bumi Korea	180
48. Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024	183
49. Baca Buku? Nerdlah Pulak!	186
50. Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat	190



Kata Pengantar

Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah inisiatif murni oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menghimpunkan karya penulisan kreatif oleh seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari pelbagai fakulti dan jabatan. Kompilasi ini adalah manifestasi semangat cinta terhadap ilmu, bahasa, dan budaya, serta usaha berterusan untuk memupuk pemikiran kritis dan ungkapan kreatif di kalangan warga universiti.


Penulisan dan penerbitan merupakan antara medium utama dalam penyebaran ilmu, dan ia memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat berilmu dan berbudaya. Namun di samping kesibukan menulis artikel ilmiah berimpak tinggi, projek Aku & Buku muncul bagi menawarkan peluang warga universiti untuk menulis buah fikiran dan pengalaman peribadi dalam bentuk santai namun sampai ke hati pembaca. Himpunan karya-karya kreatif ini bukan sahaja menyemarakkan lagi arena kesusasteraan tanah air, tetapi turut memberi peluang kepada para akademik untuk menyuarakan idea, pandangan, dan imaginasi mereka dalam bentuk yang segar dan bermakna.

Sebagai institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendokong nilai keilmuan dan pengembangan minat dalam apa jua bentuk penulisan, UiTM berbangga dapat menyokong dan merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga karya-karya yang terkandung dalam kompilasi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan berharga kepada pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya serta pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.

Selamat membaca.

Ketua Editor,
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai





Kata Aluan



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadirat Ilahi kerana dengan izin-Nya, Projek Aku & Buku berjaya diterbitkan. Kompilasi ini merupakan manifestasi minat yang tinggi terhadap bahasa dan penulisan kreatif, yang lahir daripada ilham serta komitmen seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya, serta warga kerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Usaha ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja menjadi medan penyebaran ilmu, malah turut menyemarakkan elemen budaya dan kreativiti dalam penulisan.

Unit Penerbitan

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai
Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah
Nurfarisya Hafiz
Berlian Nur Morat
Nor Asni Syahriza Abu Hassan
Syakirah Mohammed
Hajjah Sharina Saad
Mas Aida Abd Rahim
Syazliyi Ibrahim
Abdul Majeed Ahmad

Penyunting

Berlian Nur Morat

Pereka Layout & Grafik

Asrol Hasan

Semoga buku ini menjadi inspirasi kepada para pembaca dan terus menggalakkan penghasilan karya kreatif yang berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



Pendahuluan

Penulisan kreatif merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai, emosi dan pemikiran masyarakat. Ia bukan sekadar hiburan, malah berperanan dalam mencorak budaya intelektual dan memperkaya khazanah ilmu. Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah himpunan karya penulisan kreatif yang lahir daripada ilham dan bakat warga akademik, khususnya dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, serta sumbangan penulis dari fakulti dan institusi lain.

Kompilasi ini menampilkan pelbagai genre dan gaya penulisan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman para penulisnya. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam menggalakkan budaya penulisan, penyelidikan, dan penerbitan sebagai tunjang penyebaran ilmu yang berterusan kepada masyarakat.

Menerbitkan karya kreatif dalam bentuk buku bukan sahaja membuka ruang kepada ekspresi diri, tetapi juga memperkukuh peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkaya wacana sastera tempatan. Semoga buku ini dapat menjadi pencetus inspirasi, pemangkin idea, serta wadah untuk menyemai minat terhadap dunia penulisan dan pembacaan.



Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku

Noraziah Mohd Amin

Akademi Pengajian Bahasa, UiTM, Cawangan Pulau Pinang

Kehidupan seseorang adalah umpama sebuah “novel” yang ada permulaan dan pengakhirannya yang telah dikarang oleh yang Maha Esa, Allah Azzawajalla, Pentadbir sekalian alam sebelum kita dilahirkan lagi. Perjalanan hidup merangkumi peristiwa-peristiwa yang terselit dalam bab-bab di “novel” kita yang berlaku menurut susunan jalan cerita “novel” tersebut. Kehidupan saya juga tidak terkecuali daripada tercatat dalam “novel” saya yang menjadikan saya sebagai watak utama dan orang-orang yang mengenali saya secara langsung atau tidak sebagai watak sampingan. Selagi diri masih bernafas di muka bumi ini, selagi itulah helaian muka surat “novel” saya akan dibuka dan diselak setiap hari sehinggalah ke muka surat terakhir apabila nafas saya terhenti sudah. Ketika itu, “novel” saya sudah tertutup rapat sepertimana kedua-dua kelopak mata saya juga. Kisah “novel” saya berakhir di situ. Bagaimana pengakhirannya nanti, hanya masa yang menentukan...

Bercakap berkenaan novel atau apa jua jenis dan bentuk buku, ia tidak terkecuali daripada menjadi sebahagian daripada kehidupan kita. Kita membesar dengan buku-buku yang menjadi panduan dan penentu kejayaan kita dalam pelajaran di sekolah, kita dilatih mengaji muqaddam dan Al-Quran dari kecil dan sehingga kita belajar di menara gading juga kita masih bergelumang dengan buku. Ada sesetengah orang memiliki hobi membaca buku yang menjadikan buku sebagai teman rapatnya. Ketika saya masih kecil sekitar usia seawal 7 tahun, saya gemar membeli buku-buku cerita daripada penjual-penjual buku yang datang ke sekolah saya. Apabila saya tiada duit untuk membeli buku, saya rasa sangat kecewa melihat kawan-kawan kembali masuk ke kelas dengan buku-buku yang mereka telah beli. Jadi, saya menyimpan duit belanja dan duit raya yang saya dapat untuk membeli buku. Ketika saya berusia sekitar 9 tahun, ibu saya selalu membawa saya menemaninya ke kelas menjahit. Kelas itu akan memakan masa yang begitu lama untuk tamat pada setiap sesi pengajaran iaitu dari pagi hingga ke petang. Oleh itu, untuk tidak membuatkan saya bosan menunggu, ibu saya akan membelikan saya novel-novel cerita hantu seperti karya Tamar Jalis yang popular iaitu “Bercakap Dengan Jin”. Saya tidak pasti kenapa ibu saya membelikan saya novel-novel seram untuk dibaca tetapi apa yang saya ingat, novel-novel itu pasti habis saya baca akhirnya. Mungkin itu sahaja bahan bacaan yang termampu disediakan oleh ibu saya untuk memastikan saya tidak bosan. Pada ketika itu, novel-novel seram begitu popular sehinggakan mudah didapati di kedai-kedai buku. Saya masih ingat lagi, novel-novel seram menjadi rebutan untuk dipinjam oleh kawan-kawan saya semasa di sekolah rendah ketika itu.

Ada beberapa novel kanak-kanak yang saya beli ketika di zaman sekolah rendah seperti “Rahsia Cincin Nenek” karya Abdul Hadi Yusoff dan “Noi”, hasil garapan berjaya oleh Zariah Hassan. “Noi” adalah novel kanak-kanak yang benar-benar menyentuh jiwa ketika saya membacanya sekitar usia saya 11 tahun. “Noi” mengisahkan tentang seorang budak kecil bernama Noi yang berusia dalam lingkungan 6 tahun yang miskin dan tidak bersekolah. Ibu Noi sudah lama meninggal dunia dan Noi hanya tinggal bersama abang dan ayahnya. Noi diceritakan daripada sudut mata dan jiwa seorang kanak-kanak kecil yang cuba memahami perkara-perkara yang berlaku di sekelilingnya. Ketika membaca buku ini, saya rasa bagaikan begitu dekat dengan Noi kerana teknik penceritaan novel ini berjaya membuatkan saya

menyelami hati seorang kanak-kanak kecil yang jiwanya begitu mulus dan tulus. Gaya bahasanya diolah begitu rapi dengan ayat-ayat ringkas dan pendek seolah-olah meniru gaya percakapan seorang kanak-kanak kecil. Sehingga kini apabila saya mengingati kembali jalan cerita novel Noi ini, saya akan berasa sedih kerana pengakhiran cerita Noi ini adalah begitu menyayat hati. Ketika saya kecil, apabila sampai ke muka surat terakhir novel ini, saya menangis dan menjadi muram untuk seketika kerana saya merasakan kehidupan Noi tidak sepatutnya berakhir begitu. Saya masih ingat lagi, selepas tamat membaca novel tersebut, dengan wajah yang muram, saya menuju ke dapur mencari ibu saya dan berkata, “Mama, Noi dah mati...” dan disambut dengan keliru oleh ibu saya, “Siapa?”. “Noi dalam buku tu...”, kata saya. “Iskh..kamu ni...sudahlah...”, ibu saya yang sibuk di dapur ketika itu malas melayan saya tetapi saya terus melayan perasan mengenangkan nasib Noi. Bagi saya, penulis novel “Noi” telah berjaya mengetuk jiwa kanak-kanak saya dan perasaan sedih terhadap kisah Noi ini sebenarnya masih terasa sehingga kini walaupun sudah berpuluh tahun novel itu dibaca. Novel kesayangan saya ini telah hilang entah ke mana. Namun, jalan ceritanya masih saya ingat lagi sekarang.

Membesar tanpa teknologi dan gajet sepertimana kanak-kanak di hari ini, saya banyak menghabiskan masa membaca buku. Ada buku yang dipinjam daripada perpustakaan di sekolah atau bas perpustakaan bergerak. Ketika kecil, saya boleh dikatakan seorang “ulat buku” juga kerana saya terkenal dengan sikap suka membawa buku ke mana sahaja saya pergi. Setiap kali waktu rehat di sekolah, saya lebih suka mengunjungi perpustakaan berbanding tempat lain seperti kantin dan sebagainya. Kunjungan saya ke perpustakaan itu telah membuahkan hasil apabila saya telah beberapa kali memenangi anugerah “Nadi Ilmu Amalan Membaca” atau dikenali juga sebagai NILAM. Ketika di usia remaja, saya mula berjinak-jinak menulis puisi, pantun, cerpen dan novel. Saya gemar menyertai pertandingan penulisan yang dianjurkan di sekolah saya dan telah berjaya memenangi beberapa pertandingan seperti penulisan puisi sempena Hari Guru, karangan ucapan sempena Hari Ibu dan lain-lain lagi sehingga saya digelar sebagai “budak pentas” kerana terlalu kerap dipanggil naik ke untuk mengambil hadiah. Bagi saya, minat untuk menulis ini datang daripada pembacaan saya sendiri kerana apabila saya membaca sesuatu bahan bacaan seperti novel, cerpen, puisi, pantun dan sebagainya, bait-bait kata indah yang tercatat dalam bahan bacaan tersebut akan terngiang-ngiang di telinga saya dan seolah-olah terperangkap dalam pemikiran saya. Hal ini menyebabkan desakan yang kuat dalam jiwa saya untuk mengeluarkan bait-bait kata yang melekat di fikiran saya itu dalam bentuk penulisan saya sendiri dengan sentuhan gaya bahasa yang saya selesa mengikut rentak emosi pada sesuatu masa itu. Kadang-kala mainan perasaan oleh penulis sesuatu bahan bacaan yang saya baca itu berjaya membelai jiwa saya sehingga saya menyelami pelbagai rasa dan akhirnya saya luahkan dalam bentuk karya saya sendiri. Ketika meniti usia remaja, saya gemar membaca majalah-majalah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka seperti “Dewan Siswa”, “Dewan Kosmik” dan “Dewan Sastera” selain daripada penerbitan syarikat-syarikat lain seperti majalah “Arussains” dan “Remaja”. Majalah “APO?” dan “Ujang” adalah hiburan saya ketika meningkat remaja dengan nukilan bersiri dan berilustrasinya yang popular iaitu “Aku Hidup Dalam Blues”. Kedua-dua majalah ini menghidangkan bermacam perisa kisah kehidupan masyarakat daripada pelbagai latar belakang. Daripada kedua-dua majalah ini saya belajar tentang kehidupan sehari-harian manusia yang penuh rencah dan rasa.

Sewaktu saya di penghujung usia remaja sekolah, saya berjinak-jinak pula membaca novel bahasa Inggeris. Bagi saya, pengajaran komponen sastera bahasa Inggeris di sekolah yang mewajibkan para pelajar menelaah sesebuah novel yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah telah membuka minat saya untuk mendekati novel bahasa Inggeris pula. Antara novel bahasa Inggeris yang diajarkan ketika saya di bangku sekolah menengah adalah “The Pearl” hasil karya penulis Amerika bernama John Steinbeck dan “The Return” oleh penulis Malaysia, K.S. Maniam. Agak mencabar untuk membaca novel-novel bahasa Inggeris jika memiliki pengetahuan tatabahasa dan suku kata bahasa Inggeris yang terhad. Setiap muka surat novel-novel tersebut yang saya baca penuh dengan terjemahan bahasa Melayu bagi perkataan-




perkataan yang saya tidak tahu dan hal ini sangat memenatkan apabila terpaksa membuka kamus berulang-kali hanya untuk menghabiskan satu muka surat sahaja. Perkara ini membuatkan saya berazam untuk memperbaiki kemahiran bahasa Inggeris saya supaya saya dapat membaca sesebuah bahan bacaan Inggeris itu dengan mudah tanpa perlu merujuk kamus setiap saat. Bagi saya, walaupun saya tidak faham sepenuhnya novel bahasa Inggeris yang dibaca itu, sedikit sebanyak saya telah mempelajari bahasa tersebut secara tidak langsung dan proses untuk meningkatkan kemahiran bahasa ini tidak berlaku dalam sehari sahaja. Tidak saya sangka, hanya kerana ingin memperbaiki bacaan novel bahasa Inggeris, ia telah mendorong saya ke haluan yang menjadikan kemahiran bahasa Inggeris itu sebagai suatu kerjaya saya pula kini.

Semasa di tingkatan 4 dan 5, saya mula kurang membaca novel kerana ingin menumpukan perhatian kepada peperiksaan SPM. Saya masih meneruskan sikap suka mengunjungi perpustakaan sehingga saya menjadi tidak begitu disenangi oleh rakan-rakan. Saya tidak salahkan mereka. Siapa yang suka “ulat buku” yang pendiam dan kurang bergaul? Di kalangan rakan-rakan saya, wujud suatu budaya memperli dan mengejek pelajar-pelajar yang dilihat rajin menelaah dan mengulangkaji pelajaran. Ketika tiada guru di kelas atau waktu rehat, saya akan mencuri-curi masa untuk membaca buku-buku rujukan untuk persiapan menghadapi peperiksaan. Namun, apa yang menjadi masalah adalah kata-kata pembunuh semangat rakan-rakan yang kurang berpuas hati dengan tindakan saya itu seperti ungkapan, “Alah...tak payahlah rajin sangat baca buku!” atau “Amboi, rajinnya baca buku! Nak dapat result baguslah tu!”. Kata-kata itu terasa berdesing di telinga saya dan sangat merunsingkan fikiran saya. Saya masih ingat lagi, ketika sedang membaca buku rujukan di tangga sebelah kelas saya, seorang rakan lelaki sekelas saya telah merampas buku rujukan saya dan mengalihkannya jauh daripada saya. Jadi, saya fikir saya perlu melakukan sesuatu agar tidak diganggu lagi. Oleh itu, helah yang saya lakukan adalah mengoyakkan kulit novel-novel saya dan menggantikan kulit buku-buku rujukan jenis buku poket saya tu dengan kulit buku novel saya. Sekiranya rakan-rakan saya melihat saya kononnya sedang membaca “novel”, mereka tidak akan datang mengganggu saya kerana merasakan saya hanya membaca “novel” dan tidak berasa terancam dengan persiapan menghadapi SPM saya. Namun, berlainan pula halnya ketika saya di rumah. Jika ada masa terluang, kadang-kala saya akan membaca novel atau antologi cerpen. Untuk mengaburi mata ibu saya yang kurang senang melihat saya membaca bahan bacaan sebegitu, saya akan meletakkan novel tersebut dalam buku rujukan yang lebih besar agar terlihat seolah-olah saya sedang membaca buku rujukan tanpa mendedahkan novel yang disorokkan dalam buku rujukan tersebut. Helah yang sama juga saya gunakan ketika belajar di menara gading. Kadang-kadang saya menggunakan buku untuk mengelakkan daripada diganggu teman-teman sekelas yang ingin mengajak bersembang kosong atau yang saya kurang selesa untuk berbual bersama. Saya akan berpura-pura sibuk dan tekun membaca sesebuah buku sebagai suatu cara untuk memberi mesej kepada mereka untuk menjauhkan diri daripada saya.

Pengalaman paling manis yang pernah saya alami berkenaan buku adalah apabila saya berjaya memenangi tempat pertama dalam suatu pertandingan silang-kata yang dianjurkan oleh sebuah majalah. Saya memang berazam untuk memenangi pertandingan tersebut kerana hadiah yang ditawarkan iaitu satu set buku Islamik yang berharga lebih daripada RM1,000 yang begitu menarik perhatian saya. Setiap bulan soalan akan dikeluarkan oleh majalah tersebut untuk melengkapkan teka silang-kata berkenaan sebelum peserta boleh menghantarnya secara pos kepada pihak penganjur. Saya tidak tahu saya telah memenangi pertandingan tersebut sehinggalah ibu saya menelefon saya memaklumkan tentang buku-buku yang begitu banyak telah dihantar oleh posmen ke rumah saya. Selain itu, antara perkara yang termasuk dalam “bucket list” saya adalah ingin menghasilkan karya kreatif yang berjaya diterbitkan dalam majalah Dewan Sastera dan impian ini telahpun berjaya dicapai sebanyak dua kali. Menerima hadiah hari jadi daripada ayah saya berupa buku-buku cara melukis juga merupakan kenangan

manis saya bersama buku yang tidak akan saya lupakan kerana hadiah tersebut adalah sangat bermakna bagi saya yang memang meminati seni lukisan.

Dalam saya menikmati bahan bacaan orang lain, saya sebenarnya bercita-cita untuk menghasilkan sebuah novel dengan jalan cerita dan gaya penulisan yang saya garap sendiri yang dapat mempamerkan identiti tersendiri saya sebagai seorang penulis. Selain itu, saya ingin menggarap sebuah buku antologi puisi hasil nukilan saya sendiri dan melihatnya tersusun di rak-rak jualan buku di kedai-kedai suatu hari nanti. Ini akan menjadi suatu kepuasan dan pencapaian buat diri saya. Bagi saya, karya kreatif akan sentiasa mempunyai peminat-peminatnya dan merupakan suatu seni yang tak lapuk dek hujang, tak lekang dek panas. Saya tidak mensasarkan karya maha agung umpama penulis-penulis hebat terkemuka yang disegani. Cukuplah sekadar ia dapat diterima secara umumnya oleh masyarakat tanpa mengharapkan pujian melambung tinggi. Apa yang penting, saya ingin menyumbangkan sebuah buku yang dapat menjadi peneman masyarakat di waktu lapang mereka dengan intipatinya yang dapat dimanfaatkan. Semoga impian ini akan menjadi kenyataan suatu hari nanti...





Aku & Buku

2025

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810